

CNS4184

U GB 11-01 00175 BA200

aab

Mahathir - Raja

MUSTAHIL RAJA MAHU KUASA UNTUK BUNUH ORANG, KATA PM

KUALA LUMPUR, 11 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau yakin raja-raja akan menerima cadangan pindaan Perlembagaan Persekutuan yang dicadangkan kerajaan kerana mustahil raja-raja mahukan kuasa untuk memukul dan membunuh orang.

Beliau juga yakin raja-raja akan menerima cadangan bagi memansuhkan kekebalan mereka di sisi undang-undang itu dan perkara-perkara yang boleh menjejaskan pindaan tersebut kerana kekebalan yang ada tidak mendatangkan sebarang faedah kepada mereka.

+Saya sudah bercakap dengan raja-raja, mereka tidak ada sikap semacam itu (inginkan kuasa untuk memukul dan membunuh orang),+ katanya kepada pemberita selepas merasmikan Lebuhraya Baru Lembah Klang, di sini hari ini.

Kerajaan akan membentang dan membahaskan rang undang-undang pindaan Perlembagaan Persekutuan itu di Parlimen pada 18, 19 dan 20 Jan ini.

Draf pindaan itu sudahpun dikemukakan kepada Majlis Raja-raja Sabtu lepas dan majlis itu meminta tempoh sehingga 16 Jan untuk membuat keputusan sama ada menerima atau tidak cadangan tersebut. -- Lagi

▼11/01/15-11MST

CNS4186

U GB 11-01 00178 BA201

aab

Mahathir - Raja 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Dr Mahathir, yang ditanya tindakan selanjutnya daripada pihak kerajaan sekiranya Majlis Raja-raja menolak cadangan itu berkata, +Kita akan cari jalan lain untuk mengatasinya+.

+Saya fikir rakyat tidak akan menerima raja yang berpendapat hanya dengan mempunyai hak ini (kekebalan) barulah boleh menjadi raja. Di negara lain pun tak ada,+ kata beliau.

Perdana Menteri juga berkata, mesyuarat kabinet Rabu ini akan dimaklumkan mengenai pertemuan tidak rasmi pemimpin tertinggi UMNO yang diketuainya sendiri dengan Majlis Raja-raja Sabtu lepas.

Ditanya sama ada kerajaan akan meminda pula Akta Hasutan, beliau berkata, +Kalau diperlukan kemudian, kita akan membuat pindaan kepada Akta Hasutan yang bukan sebahagian daripada perlembagaan.+

Beliau juga diminta mengulas cadangan beberapa cendekiawan Melayu yang mengeluarkan +Pernyataan 10 Januari+ di Dewan Bahasa dan Pustaka semalam bagi mendesak kerajaan mengkaji semula fungsi dan kedudukan raja-raja serta menghapuskan semua bentuk amalan feodal di negara ini.

+Kita akan kaji memorandum yang diserahkan oleh mereka untuk melihat yang mana boleh kita laksanakan,+ kata beliau. -- Bernama

▼11/01/15-11MST